

Gerakan Tidak Teragak-agak Pecat Anggota Sabotaj Parti Dalam P/Raya - Koh Bernama
10 September, 2012

SEGAMAT, 10 Sept (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata Gerakan tidak akan teragak-agak untuk memecat mana-mana anggota atau pemimpin parti itu yang didapati bertindak mensabotaj parti dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata parti itu sendiri sebelum ini pernah mengambil tindakan disiplin, termasuk menyingkirkan anggota dan pemimpinnya yang didapati melakukan sabotaj dan berkomplot dengan parti lawan semata-mata kecewa kerana tidak dipilih.

"Apa yang penting ketika ini ialah Gerakan dan Barisan Nasional (BN) khasnya memerlukan sokongan padu daripada semua ahlinya terhadap calon yang akan terpilih nanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian Dana Khas Belanjawan 2012 kepada Sekolah-sekolah Mubaligh Johor dan Melaka di SMK Convent, di sini isnin.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta parti komponen BN supaya mengikut jejak langkah Umno menyingkir mana-mana anggota atau pemimpinnya yang didapati mensabotaj parti dalam pilihan raya umum akan datang.

Di KUANTAN, Umno Pahang menyokong penuh tindakan parti untuk menyingkirkan mana-mana anggota yang cuba mensabotaj calon parti pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693604>